



## PERATURAN DAN PANDUAN GRADUAN DAN IBUBAPA ISTIADAT KONVOKESYEN UCYP & KYP 2023

### 1. TARIKH ISTIADAT KONVOKESYEN

- 1.1 Istiadat Konvokesyen UCYP & KYP 2023 akan diadakan pada **29 Oktober 2023 (Ahad)** di **the Sultan Ahmad Shah International Convention Center (SASICC) & The Zenith Hotel, Kuantan, Pahang.**
- 1.2 Maklumat Istiadat Konvokesyen adalah seperti berikut:
  - 1.2.1. Istiadat ini dibahagikan kepada 2 sidang iaitu:
    - Sidang 1 – 29 Oktober 2023 (Pagi Ahad)
    - Sidang 2 – 29 Oktober 2023 (Petang Ahad)
  - 1.2.2. Sidang bagi setiap graduan adalah seperti yang dinyatakan di dalam surat jemputan istiadat konvokesyen ini.

### 2. PENYERTAAN ISTIADAT KONVOKESYEN

- 2.1 Penyertaan graduan ke istiadat konvokesyen ini hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) dengan mengisi pengesahan kehadiran di pautan <http://esemakan.ucyp.edu.my/login.php>. Graduan yang mengesahkan kehadiran pada istiadat konvokesyen ini perlulah menjelaskan bayaran Konvokesyen yang ditetapkan.
- 2.2 Graduan dan ibubapa/penjaga (2 ahli keluarga yang akan memasuki dewan) diminta untuk mengikuti etika yang tertera di pautan <https://konvo.ucyp.edu.my>
- 2.3 Disarankan kepada graduan atau ibubapa/penjaga yang tidak sihat atau demam untuk tidak menghadiri Istiadat Konvokesyen ini untuk kebaikan bersama.

### 3. RAPTAI DAN TAKLIMAT KONVOKESYEN

3.1 Aturcara raptai dan taklimat istiadat konvokesyen bagi graduan yang mengesahkan kehadiran akan di adakan seperti berikut:

**TARIKH RAPTAI** : **28 OKTOBER 2023 (SABTU)**  
**MASA** : **3.00 PETANG**  
**TEMPAT** : **DEWAN PAMERAN 1 & 2, THE ZENITH HOTEL, KUANTAN, PAHANG**

3.2 Pakaian semasa raptai hendaklah kemas dan sesuai. ('*Jeans*', selipar dan T-Shirt tanpa kolar tidak dibenarkan semasa raptai).

3.3 Kehadiran **SEMUA** graduan ke sesi raptai adalah **WAJIB**. Urusetia Istiadat konvokesyen **berhak menghalang** graduan dari mengikuti istiadat konvokesyen sekiranya graduan tidak hadir ke sesi raptai dan taklimat.

### 4. SET JUBAH KONVOKESYEN

#### 4.1 PENGAMBILAN SET JUBAH GRADUAN

4.1.1 Graduan hendaklah mematuhi jadual waktu pengambilan set jubah yang ditetapkan seperti berikut:

<b>Tarikh / Hari</b>	<b>Masa</b>	<b>Tempat</b>
27/10/2023 (Jumaat)	09:00 pagi – 12:00 tengahari	Perpustakaan, Kampus Taman Gelora

4.2 Sila bawa dokumen berikut semasa mengambil set jubah:

4.2.1. Resit bayaran yuran konvokesyen yang telah dijelaskan. Cetakan resit boleh dibuat melalui pautan berikut:

<http://esemakan.ucyp.edu.my/login.php>

4.2.2. Bagi graduan yang tiada bayaran kerana mempunyai lebihan baki, boleh terus hadir ke kaunter mengisi **Borang Pengesahan Tolak Lebihan** sebagai bukti bayaran.

- 4.2.3. Sila lengkapkan **Borang Kemaskini Maklumat** yang akan diedarkan oleh Eksekutif Kursus bagi tujuan tindakan susulan Unit Kutipan
- 4.2.4. Cetak slip **Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)** - *softcopy* dibenarkan
- 4.3 Graduan yang tidak dapat hadir semasa hari pengambilan set jubah boleh mewakilkan graduan lain dengan mengemukakan kesemua dokumen di para 4.2.

Semua dokumen tersebut perlu diserahkan kepada wakil sebelum set jubah dapat diambil. Hanya **TIGA (3)** set jubah sahaja dibenarkan untuk diambil oleh seseorang wakil (termasuk diri sendiri). Sila lengkapkan **BORANG KEBENARAN KEPADA WAKIL UNTUK MENGAMBIL JUBAH (Lampiran 1)** yang boleh diperolehi melalui pautan berikut: <https://konvo.ucyp.edu.my>

#### **4.4 PEMULANGAN SET JUBAH GRADUAN**

- 4.4.1 Set jubah **BOLEH MULA DIPULANGKAN SELEPAS SELESAI SIDANG** istiadat konvokesyen di Dewan Pameran 2, Tingkat 1, The Zenith Hotel.
- 4.4.2 **TARIKH DAN MASA AKHIR** untuk pemulangan jubah adalah seperti berikut:

<b>Tarikh / Hari</b>	<b>Masa</b>	<b>Tempat</b>
29/10/2022 (Ahad)	Selesai sidang 1 - 5.30 petang	Dewan Pameran 2, Tingkat 1, The Zenith Hotel
30/10/2023 (Isnin)	9.00 pagi – 12.00 tengahari	Taman Gelora Library

- 4.4.3 Graduan boleh mewakilkan orang lain untuk memulangkan set jubah dengan mengemukakan **BORANG KEBENARAN WAKIL UNTUK PULANG JUBAH** (Lampiran 2)
- 4.4.4 **TRANSKRIP AKAN DIBERI SETELAH GRADUAN MEMULANGKAN SET JUBAH KONVOKESYEN.**

#### 4.5 CAJ LEWAT

- 4.5.1 Sekiranya graduan gagal memulangkan set jubah konvokesyen sehingga ke tarikh dan masa akhir di atas, caj lewat akan dikenakan sebanyak **RM20.00 per hari (termasuk hari cuti)**. Caj kelewatan dikira bermula dari **tarikh akhir pemulangan jubah**. Transkrip graduan juga akan ditahan sehingga set jubah dipulangkan.
- 4.5.2 **SURAT PERINGATAN** akan dikeluarkan selepas tempoh 30 hari dan caj kelewatan tetap akan dikira sehingga graduan membuat pemulangan set jubah.
- 4.5.3 Pihak UCYP **BERHAK** mengambil sebarang tindakan yang dirasakan perlu sekiranya graduan masih lagi gagal memberikan maklumbalas dan memulangkan set jubah apabila tamat tempoh 30 hari dari tarikh surat peringatan dikeluarkan.

#### 4.6 KEROSAKAN JUBAH KONVOKESYEN

- 4.6.1 Bayaran gantirugi akan dikenakan sekiranya set jubah ROSAK atau HILANG.
- 4.6.2 Kadar caj gantirugi set jubah sekiranya hilang atau rosak adalah seperti berikut:

<b>Jubah</b>	<b><i>Mortarboard</i></b>	<b><i>Hood</i></b>	<b>Jumlah</b>
RM 200.00	RM 45.00	RM 150.00	<b>RM 395.00</b>

- 4.6.3 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** meminda atau mengubah mana-mana bahagian jubah. Jika graduan berbuat demikian, bayaran penuh RM 395.00 akan dikenakan.

## 5 IBU BAPA / TETAMU

- 5.1 Setiap graduan hanya dibenarkan membawa **DUA (2) orang jemputan** samada (ibu/bapa/penjaga/tetamu) untuk memasuki dewan ketika istiadat konvokesyen berlangsung. **Pas Masuk** untuk jemputan graduan akan diagihkan pada masa mengambil set jubah. Hanya jemputan yang mempunyai Pas Masuk sahaja dibenarkan untuk memasuki dewan.
- 5.2 Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam dewan konvokesyen.
- 5.3 Ibu/bapa/tetamu yang tidak memasuki dewan, disediakan tempat khas untuk mengikuti upacara istiadat konvokesyen melalui siaran terus di Dewan Pameran D bersebelahan.
- 5.4 Ibu/bapa/tetamu **TIDAK DIBENARKAN** meninggalkan tempat duduk bagi mengambil gambar graduan ketika istiadat berlangsung.
- 5.5 Ibu/bapa/tetamu diminta menghormati istiadat dengan tidak keluar dari dewan dan membuat bising di dalam dewan.
- 5.6 Ibu/bapa/tetamu hendaklah mematuhi etika pakaian yang telah ditetapkan.
- 5.7 Sila pastikan telefon bimbit diletakkan dalam mod senyap sepanjang istiadat berlangsung.

## 6 ETIKA PAKAIAN GRADUAN, IBUBAPA, PENJAGA DAN JEMPUTAN

### GRADUAN LELAKI

PERKARA	PENERANGAN
ETIKA PAKAIAN	<p><b><u>DIBENARKAN:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Berpakaian kemas, Sut lengkap (Kemeja Lengan Panjang cerah tanpa corak, Seluar Panjang warna gelap dan Tali leher).</li><li>ii. Baju Melayu cekak musang berwarna hitam berbutang lengkap, bersongkok hitam dan bersampin.</li><li>iii. Stokin dan kasut penuh (berwarna gelap)</li></ul> <p><b><u>TIDAK DIBENARKAN:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Memakai tali leher Bow (Bow tie)</li><li>ii. Kasut bukan jenis kasut pejabat selain hitam, safety boot, kasut sukan, sandal, capal, kasut jenis plastik atau kain dan tidak memakai stokin.</li><li>iii. Baju kemeja lengan pendek, kemeja Tshirt, tidak memakai tali leher, memakai seluar jeans, khakis atau jenis seluar bukan formal.</li><li>iv. Memakai subang telinga, rantai leher atau bangle.</li></ul>
RAMBUT/KUMIS/JAMBANG	Pendek dan kemas (rambut tidak melebihi kolar)

**ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI BAGI GRADUAN LELAKI  
(warna dan corak hendaklah sesuai dengan istiadat rasmi)**



***Nota: Sila buat persediaan sewajarnya supaya graduan tidak menghadapi kesulitan seperti dihalang daripada menyertai istiadat konvokesyen***

## GRADUAN WANITA

PERKARA	PENERANGAN
ETIKA PAKAIAN	<p><b><u>DIBENARKAN:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Baju kurung/kebaya longgar dan labuh/pakaian rasmi (berpakaian sopan, kemas dan bertudung dengan kemas).</li><li>ii. Warna dan corak pakaian hendaklah sesuai dengan majlis rasmi.</li><li>iii. Kasut bertumit dan penuh (berwarna gelap)</li></ul> <p><b><u>TIDAK DIBENARKAN:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. <b>Memakai pakaian berwarna kuning dan putih.</b></li><li>ii. <b>Berpakaian sedondon (tudung, baju dan kain berwarna yang sama)</b></li><li>iii. Memakai seluar slack jeans, jeans, legging dan pakaian tidak formal</li><li>iv. Kasut jenis tumit tinggi, sandal, kasut sukan dan yang tidak sesuai dengan majlis rasmi.</li><li>v. Pakaian fesyen berseluar tidak dibenarkan sama sekali.</li><li>vi. Pakaian gaun, blouse, dan seluar</li><li>vii. Mewarnakan rambut dengan keterlaluan.</li></ul>



**ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI BAGI GRADUAN PEREMPUAN**  
(warna dan corak hendaklah sesuai dengan istiadat rasmi)



**Nota:** Sila buat persediaan sewajarnya supaya graduan tidak menghadapi kesulitan seperti dihalang daripada menyertai istiadat konvokesyen

## JEMPUTAN/IBUBAPA/PENJAGA

PERKARA	PENERANGAN
ETIKA PAKAIAN	<p><b><u>LELAKI:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Berpakaian Kemas - Baju Kebangsaan / Batik / Sut Lengkap / Kemeja dan <b>bersongkok</b>. Bertanjak tidak dibenarkan.</li><li>ii. Seluar Slack Panjang berwarna gelap</li><li>iii. Kasut Bertutup – selipar, sandal, capal <b>TIDAK DIBENARKAN</b></li></ul> <p><b><u>WANITA:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Berpakaian Kemas – Baju Kurung/Kurung Moden/Baju Kebangsaan</li><li>ii. <b>Tidak dibenarkan memakai pakaian berwarna kuning dan putih.</b></li><li>iii. <b>Berpakaian sedondon (tudung, baju dan kain berwarna yang sama)</b></li><li>iv. Kenipisan dan reka bentuk pakaian hendaklah tidak menjolok mata</li><li>v. Tudung kepala/selendang bersesuaian</li><li>vi. Kasut Bertutup – selipar, sandal <b>TIDAK DIBENARKAN</b></li></ul>

***Nota: Sila buat persediaan sewajarnya supaya jemputan/ibubapa/penjaga tidak menghadapi kesulitan seperti dihalang daripada masuk ke dewan istiadat konvokesyen***

## 7 ISTIADAT KONVOKESYEN

- 7.1 Semua graduan hendaklah mendaftarkan diri di Kaunter Pendaftaran di hadapan Dewan Pameran 2, Tingkat 1, The Zenith Hotel.
- 7.2 Graduan yang **lewat** mendaftar diri pada tarikh dan masa yang ditetapkan, **tidak akan dibenarkan** menyertai istiadat konvokesyen.
- 7.3 Graduan yang telah mendaftar dikehendaki berbaris mengikut susunan yang ditetapkan oleh pegawai seranta.
- 7.4 Graduan tidak dibenarkan merayau-rayau semasa berbaris.
- 7.5 Semasa istiadat sedang berlangsung graduan diminta menghormati istiadat dengan tidak membuat bising atau keluar meninggalkan dewan.
- 7.6 Tidak dibenarkan mengambil suafoto sepanjang berada di dalam dewan istiadat konvokesyen.
- 7.7 Sila pastikan telefon bimbit diletakkan dalam mod senyap sepanjang istiadat berlangsung.

## 8 PENGAMBILAN DIPLOMA

- 8.1 Graduan yang **HADIR** ke istiadat konvokesyen boleh mengambil skrol diploma/sijil dan transkrip selepas penghantaran set jubah.
- 8.2 Sijil yang tidak dituntut akan disimpan oleh Jabatan Pendaftar dan boleh dituntut di kemudian hari.
- 8.3 **PENGAMBILAN SKROL DIPLOMA DAN TRANSKRIP MELALUI WAKIL ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI.**

**SELAMAT BERKONVO DAN TAHNIAH**